



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2021

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI NEGERI KELANTAN BERMULA 19 FEBRUARI 2021

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Kelantan bermula 19 Februari 2021. Pekeliling ini adalah selaras dengan Pengumuman Menteri Kanan Pertahanan pada 16 Februari 2021.
2. Pengoperasian UMK sepanjang tempoh PKPB adalah secara penggiliran kerja dan bekerja dari rumah (WFH). Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu menyusun jadual penggiliran kerja bagi semua staf di bawah seliaan masing-masing dengan ketetapan keberadaan staf di pejabat adalah pada kadar maksimum 30% pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, staf yang dikategorikan di bawah perkhidmatan perlu (essential services) hendaklah hadir bertugas seperti biasa mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua PTj masing-masing.
3. Ketua PTj hendaklah hadir bekerja seperti biasa di pejabat dan memastikan perkhidmatan asas PTj tidak terjejas dan berterusan sepanjang tempoh PKPB. Pengecualian hadir ke pejabat disebabkan oleh sebarang risiko COVID-19 hendaklah dimaklumkan kepada Naib Canselor. Bagi pelaksanaan WFH, warga UMK boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Kemaskini 12 Januari 2021) yang boleh didapati melalui Portal eCommunity (*Files Library >> Skim/ Garis Panduan*).
4. Pelaksanaan mesyuarat, seminar, kursus dan persidangan secara bersemuka adalah dibenarkan dengan mengambil kira 50% kapasiti bilik mesyuarat/ ruang latihan.
5. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu. Warga UMK juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.

6. Pengurusan UMK juga menyeru semua agar mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan warga UMK dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 19 Februari 2021.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

18 FEBRUARI 2021

- s.k - Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab